



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TEKS UCAPAN

**YBrs. Dr. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

SEMPENA

**12th NATIONAL CONFERENCE IN EDUCATION-
TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND
TRAINING (CiE-TVET 2022)**

"TVET Education: Leveraging the Future"

**DEWAN AL-JAZARI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
6 SEPTEMBER 2022**

Terima kasih Pengacara Majlis.

[SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN]

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah terlebih dahulu marilah kita sama menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas kurnia dan keizinan-Nya kita dapat bersama - sama berkumpul pada petang ini di Majlis penutupan **12th NATIONAL CONFERENCE IN EDUCATION- TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING** atau **CiE-TVET 2022.**

2. Bagi pihak Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan jawatankuasa pelaksana CiE-TVET khususnya, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada YBrs. Dr. Zubaidah binti Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan

Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Dr. Riam A/P Chau Mai, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi JPPKK atas kesudian untuk bersama-sama kita pada hari ini. Terima kasih juga kerana memilih PSA sebagai tuan rumah Conference In Education-Technical And Vocational Education And Training kali ke-12 pada tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Seminar kali ini mengangkat tema “TVET Education: Leveraging the Future” yang bermaksud pendidikan TVET adalah satu pelaburan untuk masa hadapan. Tema yang dipilih sangat signifikan dan bertepatan dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan TVET. Kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang tinggi adalah ciri utama modal insan dan tenaga kerja negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, pelajar kita perlu bersedia dan tidak boleh ketinggalan untuk terus kekal kompetitif dalam suasana pasaran yang sentiasa berubah.

4. Tenaga pengajar teknikal merupakan individu terpenting di institusi TVET kerana mereka yang perlu responsif kepada sebarang bentuk perubahan yang berlaku di industri bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan bersesuaian dengan kehendak terkini dan masa depan negara. Sehubungan itu, seminar ini dilihat mampu memberi manfaat yang besar kepada para peserta kerana ia menjadi wadah perbincangan dan perkongsian kepakaran yang sangat efektif.

5. Lantaran itu, penganjuran CiE-TVET 2022 ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

- i. Menggalak dan membudayakan aktiviti penyelidikan yang berterusan dalam kalangan pensyarah, staf dan pelajar politeknik dan kolej komuniti;
- ii. Menggalakkan perkongsian ilmu dan pertukaran maklumat hasil penyelidikan dalam kalangan pensyarah;
- iii. Menyediakan platform untuk pensyarah, staf dan pelajar berkongsi ilmu pengetahuan bagi meningkatkan nilai kepaakaran dalam bidang; dan

- iv. Melatih pensyarah, staf dan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis bagi mencetus transformasi berkesan dan seterusnya meningkatkan nilai kualiti dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kepada para pelajar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Alhamdulillah seminar kali ini menerima sambutan yang sangat menggalakkan dengan sebanyak 46 kertas kerja berjaya dibentangkan yang mana proses pembentangan telah dibuat secara dalam talian. Kita juga sangat berbesar hati kerana sebanyak 25 kertas telah mendapat tajaan penuh oleh JPPKK. Terima kasih diucapkan kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK.
7. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua peserta. Semoga apa yang dikongsikan mampu membuka jalan dan inspirasi kepada penambahbaikan sistem penyampaian dan pelaksanaan TVET khususnya di Politeknik dan Kolej Komuniti.

8. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak terutama ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus menjayakan *National Conference In Education-Technical And Vocational Education And Training 2022* kali ke-12 ini.

9. Akhir kata, sekali lagi ucapan terima kasih ke atas kesudian Yang Berusaha Ts Zainab Ahmad dan Dr. Riam a/p Chau Mai untuk hadir dalam memeriahkan majlis pada hari ini.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.